

05/01/1998

Gerakan minta Pusat tangani kes NBT

KOTA KINABALU, Ahad - Gerakan Sabah meminta Kerajaan Pusat campur tangan dalam isu pembelian saham North Borneo Timber (NBT) Berhad oleh Warisan Harta Sdn Bhd (WHSB), syarikat milik penuh kerajaan negeri, yang menimbulkan kontroversi kerana menyebabkan kerugian berjuta-juta ringgit.

Pengerusinya, Dr Chong Eng Leong, dalam satu kenyataannya hari ini, meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku Menteri Kewangan, mengambil perhatian terhadap kerugian yang dialami kerajaan negeri.

Katanya, Kerajaan Pusat perlu bertindak segera untuk menyelamatkan keadaan terutama pada ketika negara dilanda kegawatan ekonomi sekarang.

"Sebelum masalah besar dihadapi oleh kerajaan Barisan Nasional (BN) Sabah, adalah wajar bagi pimpinan di peringkat Pusat mengambil langkah memperbetulkan keadaan," katanya.

Beliau berkata, isu urusan niaga saham NBT itu dikendali secara tidak bijak sehingga menimbulkan kerugian besar kepada kerajaan negeri.

(END)